

Raymond raih emas *poomsae* individu , berpasukan

UMS bermula 2 emas

Oleh ZAZALI JAMIAN

sukan@utusan.com.my

Um 30-10-2012 30

NILAI - Atlet taekwondo Universiti Malaysia Sabah (UMS), Raymond Toh mengungguli hari pertama Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) apabila meraih emas awal temasya tersebut menerusi acara individu *poomsae* lelaki yang berlangsung di Stadium Terutup Nilai, Negeri Sembilan, semalam.

Lebih manis Raymond turut membantu UMS untuk mendominasi gelanggang taekwondo semalam dengan menghadiahkan emas kedua buat universiti tersebut daripada lima emas yang dipertandingkan semalam menerusi acara berpasukan lelaki.

Kata Raymond, kejayaan meraih emas buat UMS adalah sesuatu yang membanggakan buatnya yang kali pertama beraksi dalam acara *poomsae* dalam pertandingan peringkat universiti.

"Semua ini adalah bantuan dan tunjuk ajar jurulatih dari Korea Selatan, Lee Min Hee yang mahu saya beraksi dalam acara *poomsae*."

"Saya juga meletakkan harapan agar UMS mampu mendominasi sukan taekwondo pada SUKIPT ini kerana universiti kami adalah pusat kecemerlangan untuk sukan tersebut," katanya kepada pemberita di sini, semalam.



RAYMOND Toh (tengah) bersama Yeo Kok Siong (kanan) dan Fakhrurazi Sazali yang memenangi acara *poomsae* berpasukan pada SUKIPT di Nilai, semalam.

Pada saingan semalam, Raymond meraih emas dalam acara individu selepas mengumpul 36.3 mata menewaskan atlet Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Chew Wei Yan, yang pulang dengan pingat perak manakala atlet Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) memperoleh pingat gangsa menerusi Too Lap Weng.

Sementara itu dalam kategori berpasukan, emas menjadi milik UMS selepas menewaskan pencabar terdekat Universiti HELP di tempat kedua dan pingat gangsa milik Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Tiga lagi emas yang dipertandingkan semalam masing-masing satu milik UTAR dalam kategori campuran, Universiti Sains Malaysia (USM) dalam kategori individu

Taekwondo

KEPUTUSAN ACARA POOMSAE

Lelaki Individu

Emas - Raymond Toh (UMS)
Perak - Chew Wei Yan (UTAR)
Gangsa - Too Lap Weng (UKM)

Wanita Individu

Emas - Jocelyn Chai (USM)
Perak - Liew Shwu (HELP)
Gangsa - Melda Dahalan (UMS)

Lelaki berpasukan



Emas - UMS
Perak - HELP
Gangsa - UiTM
Wanita berpasukan
Emas - HELP
Perak - USM
Gangsa - UPM

Campuran

Emas - UTAR
Perak - UMS
Gangsa - HELP

wanita melalui atletnya, Jocelyn Chai manakala Universiti HELP memperoleh emas dalam kategori berpasukan wanita.

Dalam pada itu, hari ini bakal berlangsung acara renang SUKIPT yang menjadi lubuk emas buat semua kontinjen bertanding dengan lapan emas dipertandingkan untuk hari pertama di kolam renang Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil.



GAYA Jocelyn Chai dari USM sebelum mengesahkan emas dalam acara *poomsae* wanita pada SUKIPT di Nilai, semalam. - UTUSAN/FAIRUZ IZYANA AYUB